



# TNB tutup bekalan elektrik di beberapa lokasi terjejas bah

Sentiment	Negative	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	10



**Johor Bahru:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menutup bekalan elektrik di beberapa lokasi di tiga daerah terjejas banjir iaitu Kulai, Kota Tinggi dan bandar raya ini sejak kelmarin.

TNB Careline menerusi kenyataan di Facebook memaklumkan penutupan membatikan kawasan penduduk dan perindustrian dibuat atas faktor keselamatan.

"Setakat jam 10 malam

(kelmarin) terdapat beberapa pencawang elektrik yang masih terjejas akibat penutupan bekalan elektrik atas faktor keselamatan.

"Kawasan sekitar pencawang terjejas akan terus mengalami gangguan bekalan elektrik

kalan elektrik buat semestara waktu.

"Antara kawasan yang terkesan di Johor Bahru membatikan Kampong Pa-

sir Tebrau, Kompleks Sultan Bukit Mutiara, Desa Mutiara, Kampung Paya Kenangan, dan beberapa lokasi kawasan Perindustrian Tebrau.

"Bagi kawasan Kulai, penutupan elektrik menjadikan kawasan Estate Lee, Taman Jaya Sepakat dan Kampung Sepakat Baru. Turut terjejas Taman Aman di Kota Tinggi," katanya.

TNB turut mengingatkan agar mangsa banjir

mematuhi panduan keselamatan elektrik.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi TNB melalui talian 15454 atau menerusi laman rasmi TNB CareLine di media sosial.

TNB memohon maaf atas kesulitan dialami dan berterima kasih kepada pengguna atas kesabaran mereka sepanjang tempoh penyelenggaraan ini.

## TNB tutup bekalan elektrik di beberapa lokasi terjejas bah

Kawasan sekitar pencawang terjejas akan terus mengalami gangguan bekalan elektrik